

TEKS UCAPAN DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
HOTEL SHANGRI-LA, KUALA LUMPUR
MAJLIS MAKAN MALAM SEMPENA MENYAMBUT MINGGU
PROFESSIONAL SECRETARIES PERSATUAN SETIAUSAHA MALAYSIA
22 APRIL 1991

Yang Berbahagia Cik Ho Gaik Lui, Presiden Persatuan Setiausaha Malaysia; ahli-Ahli Jawatankuasa Kerja Minggu Setiausaha Professional SSM; Dif-dif Kehormat; Puan-puan dan tuan-tuan sekalian,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Persatuan Setiausaha Malaysia kerana menjemput saya ke majlis makan malam ini. Saya juga mengucapkan tahniah di atas usaha Persatuan ini menganjurkan sambutan Minggu Professional Secretaries 1991 untuk mempertingkatkan keyakinan dan pengiktirafan kepada profesion kesetiausahaan.

2. Tema Minggu Professional Secretaries 1991, "Changing Profession for a Changing World" adalah tepat sekali. Ini memandangkan profesion kesetiausahaan telah mengalami banyak perubahan berikutan pengenalan teknologi moden. Tidak dapat dinafikan bahawa teknologi moden telah membebaskan para setiausaha daripada beban tugas yang biasa. Ini memberi lebih masa kepada para setiausaha untuk menumpukan perhatian kepada tugas-tugas lain, seperti merancang, menyusun dan mentadbir pejabat. Dalam lain perkataan, tanggungjawab para setiausaha adalah lebih meluas dan mencabar.

Puan-puan dan tuan-tuan,

3. Saya gembira mendapat tahu bahawa Persatuan Setiausaha Malaysia yang ditubuhkan pada tahun 1968 telah berusaha bersungguh-sungguh untuk mempertingkatkan mutu profesion ahli-ahlinya serta menyediakan forum untuk bertukar-tukar fikiran dan pengetahuan sesama setiausaha. Dalam hal ini, program pendidikan berterusan atau continuing education programme yang dijalankan oleh Persatuan Setiausaha Malaysia untuk ahli-ahlinya harus mendapat sambutan yang menggalakkan daripada ahli-ahli.

4. Pendidikan berterusan adalah penting dalam apa juga bidang pekerjaan, terutama kerana dalam zaman yang serba moden dan berteknologi tinggi, perubahan sentiasa berlaku. Tanpa pendidikan berterusan, kita pasti akan ketinggalan ke belakang. Oleh itu, saya berharap Persatuan Setiausaha Malaysia akan terus berusaha untuk meningkatkan profesion kesetiausahaan, terutama dalam bidang perkembangan dan sumber manusia.

5. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk menggesa "the bosses" supaya terus memberi kerjasama dan sokongan sepenuhnya kepada aktiviti-aktiviti Persatuan Setiausaha Malaysia. Majikan seharusnya mengiktiraf sumbangan dan peranan penting yang dimainkan oleh Persatuan ini.

Puan-puan dan tuan-tuan,

6. Saya berharap majlis ini akan mengeratkan lagi hubungan dan kerjasama antara setiausaha-setiausaha. Sempena dengan majlis ini saya mengucapkan Selamat Hari Raya dan Selamat Maju Jaya kepada semua ahli Persatuan ini.

7. Dengan kata-kata ini, saya dengan sukacitanya merasmikan pembukaan Minggu Professional Secretaries 1991.